PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku keempat 2015. Pada kadar semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil, diniagakan dalam julat 3.03% hingga 3.24% pada suku keempat. Meskipun kadar antara bank di bawah tempoh 1 bulan adalah stabil, kadar bagi tempoh melebihi 1 bulan terus menunjukkan trend meningkat pada suku itu disebabkan oleh permintaan bank yang lebih tinggi terhadap pendanaan yang stabil. Ini menyebabkan persaingan dalam kalangan bank untuk memperoleh deposit melalui penawaran kadar deposit yang lebih tinggi. Kos pendanaan yang meningkat akibat persaingan telah dipindahkan kepada kadar pinjaman dalam pasaran antara bank, dengan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) 3 bulan meningkat daripada 3.77% kepada 3.84%. Walau bagaimanapun, kadar bagi swap kadar faedah lebih rendah pada suku keempat, mencerminkan penurunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS).

Pada akhir suku keempat 2015 dan permulaan tahun 2016, kadar asas (base rate, BR) purata bank perdagangan meningkat sedikit kepada 3.86%. Peningkatan BR disebabkan oleh kadar antara bank yang lebih tinggi kerana BR ditanda aras kepada KLIBOR 3 bulan bagi kebanyakan bank. Walau bagaimanapun, BR purata sistem perbankan masih lebih rendah berbanding dengan awal tahun 2015[4] apabila BR beberapa bank telah pun dikurangkan lebih awal semasa KLIBOR menjadi sederhana pada pertengahan tahun 2015. Bagi suku keempat secara keseluruhannya, kadar pinjaman purata

Kadar Faedah

	2014		2015	
	S3	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.25	3.25	3.25
Kadar antara bank				
Semalaman	3.20	3.23	3.12	3.05
1 bulan	3.41	3.38	3.60	3.45
Kadar pinjaman asas (BLR)				
Bank perdagangan	6.79	6.79	6.79	6.79
Kadar asas (BR)				
Bank perdagangan	-	-	3.85	3.86
Kadar pinjaman purata (ALR)				
berwajaran Bank perdagangan	5.52	5.51	5.38	5.40
Kadar deposit tetap				
Bank perdagangan				
1 bulan	3.07	3.08	3.08	3.08
12 bulan	3.30	3.31	3.31	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Pada S1 2015, BR purata sistem perbankan berada pada 3.90%.

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

(average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul lebih tinggi sedikit (akhir bulan Disember 2015: 5.40%; akhir September 2015: 5.38%).

M3 berkembang pada suku keempat

Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM2.5 bilion pada suku keempat. Pada asas tahunan, M1 terus meningkat pada kadar 4.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 8.3%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM12.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 5.2%).

Peningkatan M3 pada suku keempat didorong terutamanya oleh peningkatan yang berterusan dalam pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Bagi tahun 2015, pengembangan wang secara luas menerima kesan negatif oleh aset asing bersih yang lebih rendah disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran.

Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia kekal lebih daripada mencukupi iaitu melebihi RM200 bilion pada akhir bulan Disember. Sebagai sebahagian dari usaha menyeluruh untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik, Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**49.9**	**101.5**	**-0.1**	**12.8**	**41.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	18.2	34.3	11.1	5.2	-8.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	40.8	118.0	37.0	31.6	120.1
Pinjaman	*38.4*	*111.4*	*32.9*	*25.7*	*106.1*
Sekuriti	*2.4*	*6.6*	*4.2*	*5.9*	*14.0*
Aset asing bersih[1]	-27.8	-19.1	-31.9	14.9	-32.7
BNM	*-28.5*	*-44.1*	*-36.2*	*8.6*	*-54.7*
Sistem Perbankan	*0.7*	*25.1*	*4.2*	*6.3*	*22.0*
Pengaruh lain	18.8	-31.7	-16.2	-38.9	-37.2

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun (statutory reserve requirement, SRR) daripada 4.00% kepada 3.50%, mulai 1 Februari 2016. Bank Negara Malaysia juga melaksanakan langkah-langkah untuk menyokong ketersediaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan.

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat 2015, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM331.4 bilion (S3 2015: RM287.9 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan yang secara relatif stabil sebanyak 8.6% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 8.8%).

Pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM4.9 bilion pada suku keempat (S3 2015: RM16.7 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 8.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 11.0%). Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan meningkat pada suku itu dengan paras pemberian kredit yang lebih tinggi terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel* serta *perlombongan dan kuari*. Pembiayaan kepada PKS kekal tinggi, dengan kadar pertumbuhan tahunan pinjaman PKS terkumpul sebanyak 15.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2015: 17.6%).

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak RM16.9 bilion pada suku keempat (S3 2015: RM12.8 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 7.7% pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September 2015: 8.1%), mencerminkan terutamanya pinjaman untuk *pembelian harta tanah bukan kediaman* dan *pembelian sekuriti* yang sederhana.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah pembiayaan kasar	**309.8**	**1,175.2**	**287.9**	**331.4**	**1,189.5**	**3.3**	**12.3**	**-4.7**	**6.9**	**1.2**
Pengeluaran pinjaman*	287.7	1,079.3	273.6	283.3	1,088.1	12.2	13.2	1.5	-1.5	1.3
PDS kasar[1]	21.2	82.1	11.8	40.6	83.5	-41.2	0.0	-49.8	91.4	1.7
Ekuiti	1.0	19.2	2.5	7.5	17.9	-87.1	19.6	-72.0	681.5	-6.5
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**52.4**	**144.2**	**41.3**	**53.3**	**152.8**	**8.8**	**8.8**	**8.8**	**8.6**	**8.6**
Sistem perbankan	44.3	121.3	38.5	24.0	113.4	9.2	9.2	9.6	7.9	7.9
Pinjaman terkumpul (A)	*41.6*	*114.1*	*36.3*	*21.1*	*105.4*	*9.3*	*9.3*	*9.7*	*7.9*	*7.9*
Pemegangan PDS	*2.7*	*7.3*	*2.2*	*2.9*	*8.0*	*7.9*	*7.9*	*8.0*	*8.0*	*8.0*
PDS terkumpul (B)	10.8	30.1	5.0	32.2	47.4	7.3	7.3	6.0	10.7	10.7
Memorandum										
PDS kasar[2]	21.6	85.5	13.1	40.6	85.6	-40.1	2.0	-47.1	87.9	0.2

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 2014	2014	S3 2015	S4 2015	2015		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**209.9**	**770.3**	**201.4**	**206.5**	**787.2**	**72.3**	**43.2**
Syarikat besar[1]	*147.8*	*536.6*	*132.4*	*138.1*	519.9	*47.8*	*25.2*
*PKS**	*62.1*	*233.7*	*69.0*	*68.5*	*267.4*	*24.6*	*18.0*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.4	31.3	10.1	10.2	39.9	3.7	2.6
Perlombongan dan kuari	2.9	12.2	3.6	5.9	20.4	1.9	1.0
Perkilangan	54.7	213.4	54.4	53.3	209.9	19.3	7.1
Pembinaan	19.2	65.5	15.8	16.7	65.1	6.0	4.3
Harta tanah	14.3	51.6	14.8	13.3	53.3	4.9	6.8
Bekalan elektrik, gas dan air	2.1	14.0	1.9	2.7	8.9	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	59.8	221.1	50.7	52.7	199.4	18.3	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.2	27.0	5.7	4.0	22.5	2.1	2.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	29.0	96.2	24.4	31.6	104.1	9.6	6.9
Isi rumah	**77.8**	**303.6**	**72.2**	**76.8**	**300.9**	**27.7**	**56.8**
Pembelian harta kediaman	21.7	81.4	20.2	21.7	84.7	7.8	28.4
Kredit penggunaan	43.9	167.7	42.4	44.9	172.5	15.9	16.9
Antaranya:							
Kad kredit	*26.3*	*99.3*	*25.0*	*27.2*	*102.4*	*9.4*	*2.5*
Pembelian kereta penumpang	*9.8*	*37.8*	*10.2*	*10.1*	*40.4*	*3.7*	*10.1*
Lain-lain	12.1	54.6	9.6	10.1	43.7	4.0	11.5
Jumlah	**287.7**	**1,073.9**	**273.6**	**283.3**	**1,088.1**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2014		2015			2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah										
Permohonan pinjaman	210.1	822.1	224.8	215.6	827.2	-0.2	0.2	2.6	2.6	0.6
Kelulusan pinjaman	106.4	401.4	96.5	100.2	393.2	8.6	2.3	-8.7	-5.8	-2.0
Pengeluaran pinjaman	287.7	1,073.9	273.6	283.3	1,088.1	12.2	13.2	1.5	-1.5	1.3
Bayaran balik pinjaman	258.5	996.5	255.3	266.9	1,021.1	12.8	15.6	1.1	3.2	2.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	41.6	114.1	36.3	21.1	105.4	9.3	9.3	9.7	7.9	7.9
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	100.4	386.2	112.9	107.6	396.8	12.7	7.6	4.2	7.2	2.7
Kelulusan pinjaman	46.1	160.0	44.0	49.0	179.9	24.5	3.4	0.1	6.2	12.4
Pengeluaran pinjaman	209.9	770.3	201.4	206.5	787.2	17.6	18.6	3.0	-1.6	2.2
Bayaran balik pinjaman	192.3	735.5	190.5	201.1	757.5	16.7	21.1	1.5	4.6	3.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.7	42.3	16.7	4.9	39.6	9.4	9.4	11.0	8.0	8.0
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	45.5	180.7	51.4	41.6	186.2	-10.8	-7.8	13.9	-8.6	3.0
Kelulusan pinjaman	15.8	63.8	17.2	14.9	64.8	-12.8	-10.6	2.8	-5.6	1.6
Pengeluaran pinjaman	62.1	233.7	69.0	68.5	267.4	6.5	3.1	17.1	10.2	14.4
Bayaran balik pinjaman	57.5	222.5	66.0	66.4	254.1	7.7	5.9	13.0	15.4	14.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	10.0	27.8	7.3	5.7	33.8	14.0	14.0	17.6	15.0	15.0
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	54.9	205.5	61.5	66.0	210.6	44.1	26.1	-2.6	20.3	2.5
Kelulusan pinjaman	30.4	96.2	26.8	34.1	115.0	60.2	15.3	-1.5	12.3	19.6
Pengeluaran pinjaman	147.8	536.6	132.4	138.1	519.9	23.0	26.9	-3.0	-6.6	-3.1
Bayaran balik pinjaman	134.8	513.0	124.6	134.7	503.4	20.9	29.1	-3.7	-0.1	-1.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.6	14.5	9.4	-0.8	5.8	5.7	5.7	5.5	2.2	2.2
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	109.7	435.9	111.9	108.0	430.4	-9.6	-5.6	1.0	-1.5	-1.3
Kelulusan pinjaman	60.3	241.4	52.5	51.2	213.4	-1.1	1.6	-15.1	-15.0	-11.6
Pengeluaran pinjaman	77.8	303.6	72.2	76.8	300.9	-0.3	1.6	-2.7	-1.3	-0.9
Bayaran balik pinjaman	66.2	261.0	64.7	65.8	263.7	2.9	2.4	0.1	-0.6	1.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	17.9	68.9	12.8	16.9	59.0	9.9	9.9	8.1	7.7	7.7

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal meningkat kepada RM51.4 bilion pada suku keempat (S3 2015: -RM2.6 Bilion), didorong terutamanya oleh dana yang diperoleh melalui terbitan sektor swasta.

Dalam sektor swasta, terbitan kasar bagi sekuriti hutang swasta dan ekuiti jauh lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM40.6 bilion dan RM7.5 bilion pada suku keempat (S3 2015: RM13.1 bilion, RM2.5 bilion). Sebahagian besar dana, terutamanya sekuriti hutang swasta, diperoleh terutamanya pada bulan Disember, berikutan kenaikan kadar dasar di Amerika Syarikat (AS) yang membantu mengurangkan

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**15.3**	**49.9**	**-10.0**	**13.5**	**46.8**
Sekuriti Kerajaan, Kasar	22.8	96.8	21.5	21.7	100.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia	12.7	51.4	14.5	10.9	51.3
Terbitan Pelaburan Kerajaan	6.6	33.9	6.5	10.9	41.1
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	3.4	11.5	0.5	-	8.0
Tolak: Penebusan	7.5	46.9	31.5	8.2	53.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2.0	26.4	21.0	8.2	41.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	5.5	20.5	10.5	-	12.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**11.2**	**50.2**	**7.4**	**37.9**	**62.8**
Saham	1.0	19.2	2.5	7.5	17.9
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	10.2	31.0	5.0	30.5	44.9
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*21.6*	*85.5*	*13.1*	*40.6*	*85.6*
Tolak: Penebusan	*11.4*	*54.5*	*8.2*	*10.1*	*40.8*
Jumlah	**26.4**	**100.1**	**-2.6**	**51.4**	**109.6**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan juga terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

ketidaktentuan pasaran. Aktiviti pemerolehan dana yang lebih tinggi telah dilakukan terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor utiliti, perkhidmatan kewangan dan pengangkutan.

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh juga lebih tinggi sedikit pada RM21.7 bilion (S3 2015: RM21.5 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 20 tahun, serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 5 tahun, 7 tahun, dan 10 tahun dan GII 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun. Pada suku keempat, penebusan sekuriti Kerajaan adalah lebih rendah pada RM8.2 bilion (S3 2015: RM31.5 bilion). Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor awam meningkat sebanyak RM13.5 bilion (S3 2015: -RM10.0 bilion).

Kadar hasil bon lebih rendah terutamanya bagi tempoh jangka pendek dan sederhana

Kadar hasil MGS menurun pada suku keempat 2015 dalam keadaan peningkatan semula aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran MGS. Keadaan ini didorong oleh sentimen yang bertambah baik dalam kalangan pelabur global berikutan kenaikan kadar dasar oleh Fed pada bulan Disember yang mengurangkan ketidaktentuan pasaran. Pelabur bukan pemastautin menambah pemegangan MGS sebanyak RM8.4 bilion pada suku keempat. Hasilnya, kadar hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing menurun sebanyak 44.2 dan 38.8 mata asas manakala kadar hasil MGS 10 tahun meningkat 3.5 mata asas. Dalam pasaran PDS, kadar hasil kekal stabil disebabkan permintaan berterusan oleh pelabur institusi domestik.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil MGS 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon kekal rendah

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder kekal rendah pada RM173.9 bilion pada suku keempat (S3 2015: RM215.8 juta) apabila pelabur mengukuhkan kedudukan pelaburan berikutan jangkaan musim cuti akhir tahun. Selaras dengan itu, semua segmen mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Segmen MGS, GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai sebanyak 0.33, 0.19 dan 0.05.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI meningkat semula pada suku keempat

Pada suku keempat 2015, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 4.4% untuk ditutup pada 1,692.5 mata pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September 2015: 1,621.0 mata).

Peningkatan FBM KLCI adalah sejajar dengan pasaran ekuiti serantau dalam keadaan sentimen pasaran global yang bertambah baik menjelang akhir tahun 2015.. Keuntungan dalam pasaran ekuiti domestik pada suku keempat juga disokong oleh aktiviti belian aktif dalam saham perdana terpilih, terutamanya saham perladangan dan saham berkaitan minyak dan gas dalam keadaan harga minyak yang pulih sedikit menjelang akhir tahun.

Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.70 trilion pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September 2015: RM1.60 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2.23 juta unit (S3 2015: 1.90 bilion unit) pada suku itu.

Pada 16 Februari 2016, KLCI ditutup lebih rendah pada 1665.0 mata (sejak akhir bulan Disember 2015: -1.6%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.66 trilion (sejak akhir bulan Disember 2015: -2.1%).

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2015 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2014		2015		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sept	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,761.3	1,761.3	1,621.0	1,692.5	1,692.5
FBMEMAS[1]	12,066.3	12,066.3	11,201.6	11,793.7	11,793.7
Pasaran ACE[2]	5,653.4	5,653.4	5,567.6	6,389.2	6,389.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,651.2	1,651.2	1,597.4	1,695.2	1,695.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	906	906	904	903	903
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,944.4	2,157.1	1,899.2	2,234.0	2,038.3
Nilai (RM juta)	1,999.9	2,161.8	2,005.6	2,149.7	2,082.2

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2014				2015					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	122.5	126.0	530.7	531.8	117.8	124.3	138.5	133.3	501.4	512.2
Antaranya:										
Papan Utama	85.5	117.3	397.1	501.2	68.0	111.4	82.5	121.4	299.1	464.6
Antaranya										
Produk Pengguna	5.3	5.2	29.6	26.3	6.3	6.2	7.0	6.8	26.9	25.6
Produk Industri	13.3	11.2	72.0	52.2	12.9	14.7	19.1	21.8	59.0	60.0
Pembinaan	3.4	5.7	19.0	26.3	4.2	5.4	3.9	4.6	16.5	22.9
Dagangan/Khidmat	42.0	56.7	172.0	219.0	28.4	45.5	32.4	51.3	124.7	204.3
Kewangan	3.1	18.7	13.9	84.9	3.5	22.3	2.9	17.7	12.8	79.6
Harta Benda	6.1	6.3	41.0	34.6	5.5	4.1	7.5	5.0	23.7	18.9
Perladangan	1.2	3.6	6.3	19.8	1.3	3.7	1.7	5.0	5.0	15.6
Infrastruktur	1.3	4.4	5.4	17.2	1.1	4.7	1.0	4.3	4.2	18.8
Pasaran ACE[1]	30.3	7.3	115.6	27.1	21.0	5.1	36.7	8.3	139.2	32.2

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit stabil menjelang akhir tahun

Ringgit dan mata wang serantau yang lain tidak menghadapi turun naik yang ketara pada suku keempat meskipun terdapat ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan global dan harga tenaga global yang semakin menurun. Ini terutamanya adalah hasil daripada sentimen yang bertambah baik dalam kalangan pelabur global apabila jangkaan kenaikan kadar dasar oleh Fed pada bulan Disember mengurangkan ketidakpastian pasaran. Malah, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau berikutan aliran pelaburan portfolio yang masuk semula, walaupun berlaku penurunan sebanyak 23% dalam harga minyak mentah Brent pada suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 3.6% berbanding dengan dolar AS pada suku itu. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (6.7%), paun sterling (6.0%) dan yen Jepun (4.0%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-0.5%). Ringgit juga menambah

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2015)



Sumber: Bank Negara Malaysia

nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, antara 2.4% hingga 5.8%, kecuali rupiah Indonesia (-2.4%).

Antara 1 Januari hingga 16 Februari 2016, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (3.5%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (6.3%), dolar Australia (5.4%) dan euro (1.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.3%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 2005	S4 2014	S3 2015	S4 2015	21 Jul 2005	S4 2014	S3 2015
Dolar AS	3.8000	3.4950	4.4455	4.2920	-11.5	-18.6	3.6
Euro	4.6212	4.2513	5.0052	4.6918	-1.5	-9.4	6.7
Paun sterling	6.6270	5.4396	6.7412	6.3607	4.2	-14.5	6.0
Dolar Australia	2.8823	2.8664	3.1176	3.1338	-8.0	-8.5	-0.5
100 yen Jepun	3.3745	2.9255	3.7084	3.5645	-5.3	-17.9	4.0
Dolar Singapura	2.2570	2.6449	3.1191	3.0356	-25.6	-12.9	2.8
100 baht Thailand	9.0681	10.627	12.223	11.922	-23.9	-10.9	2.5
100 peso Filipina	6.8131	7.8066	9.5050	9.1494	-25.5	-14.7	3.9
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0281	0.0303	0.0311	24.4	-9.5	-2.4
100 won Korea	0.3665	0.3201	0.3740	0.3651	0.4	-12.3	2.4
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	11.068	13.516	13.056	-8.9	-15.2	3.5
Renminbi China	0.4591	0.5637	0.6994	0.6610	-30.5	-14.7	5.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah derivatif pertukaran asing kekal rendah pada S4 2015

Jumlah derivatif pertukaran asing merosot 7.0% pada asas tahunan pada S4 2015 (S3 2015: -3.6%). Penurunan jumlah ini didorong terutamanya oleh urus niaga opsyen FX yang menguncup sebanyak 21.6% pada asas tahunan disebabkan oleh keperluan perlindungan nilai yang berkurang berikutan ketidaktentuan pasaran kewangan domestik yang menjadi sederhana. Turun naik yang tersirat berkurang daripada paras tinggi sebanyak 19.3% pada bulan Oktober kepada 12.0% pada bulan Disember. Data AS yang bertambah baik pada suku itu mengukuhkan jangkaan pasaran bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah menjelang akhir tahun 2015. Walau bagaimanapun, pembelian hadapan bersih mata wang asing oleh pemastautin meningkat 17.1% pada asas tahunan apabila lebih banyak pengimport menjangkakan dolar AS akan terus bertambah kukuh.

Pada suku keempat, swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun mengecil kepada 75 mata asas daripada spread yang lebih luas iaitu sebanyak 118 mata asas pada suku sebelumnya apabila ketidaktentuan pasaran menurun. Mudah tunai USD dalam pasaran domestik bertambah baik pada S4 2015 berbanding dengan suku sebelumnya disebabkan oleh aliran dua hala yang bertambah baik oleh pemastautin dan bukan pemastautin.